



SOALAN LAZIM (FAQ)

BANTUAN TUNAI TAMBAHAN BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

A. PENGENALAN

1. **S: Apakah itu Bantuan Tunai Tambahan?**

J: Bantuan Tunai Tambahan ialah bantuan tunai Kerajaan yang lebih bersasar kepada golongan B40 bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup dan kenaikan harga barang.

2. **S: Berapakah amaun kelayakan Bantuan Tunai Tambahan yang akan diterima?**

J: Amaun kelayakan Bantuan Tunai Tambahan yang akan diterima adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Bantuan	Amaun Kelayakan (<i>one-off</i>)
1.	Kahwin / Ibu Bapa Tunggal (IBT) yang mempunyai anak menepati kelayakan.	RM100
2.	Bujang / Warga Emas Sebatang Kara / IBT yang tidak mempunyai anak menepati kelayakan	RM50

3. **S: Siapakah yang layak menerima Bantuan Tunai Tambahan?**

J: Bantuan Tunai Tambahan diberikan kepada permohonan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) 2022 yang berstatus Lulus.

4. **S: Adakah saya perlu membuat permohonan bagi mendapatkan Bantuan Tunai Tambahan?**

J: Anda tidak perlu membuat permohonan kerana Bantuan Tunai Tambahan adalah berdasarkan kelulusan permohonan BKM 2022 yang telah dibuka pada 01 Januari 2022 sehingga 31 Januari 2022 yang lalu.

5. **S: Adakah semua penerima BKM 2022 akan menerima Bantuan Tunai Tambahan?**

J: Ya. Penerima atau pemohon yang Lulus Permohonan BKM 2022 akan menerima Bantuan Tunai Tambahan berdasarkan kategori bantuan (Rujuk **Soalan 2**).

B. SEMAKAN STATUS

6. S: Bila dan bagaimanakah semakan Bantuan Tunai Tambahan boleh dibuat?

J: Penerima yang layak boleh membuat semakan mulai 27 Jun 2022 melalui pautan <https://bkm.hasil.gov.my>.

C. PEMBAYARAN

7. S: Bilakah tarikh pembayaran Bantuan Tunai Tambahan akan dibuat?

J: Bantuan Tunai Tambahan ini akan dibayar secara *one-off* bersekali dengan *bayaran Fasa 2 BKM 2022 mulai 27 Jun 2022 secara berperingkat.

*terhad kepada kategori Isi Rumah / Ibu Bapa Tunggal (IBT) ada anak / Warga Emas (Kahwin / Bujang / Tiada Pasangan) sahaja.

8. S: Bagaimanakah kaedah bayaran Bantuan Tunai Tambahan ini dilaksanakan?

J: Pembayaran Bantuan Tunai Tambahan dibuat berdasarkan kaedah pembayaran Fasa 2 BKM 2022, melalui pengkreditan ke akaun bank atau secara tunai di cawangan BSN.

D. HAL-HAL LAIN

9. S: Permohonan BKM 2022 saya adalah berstatus Tidak Lulus. Adakah saya layak untuk menerima Bantuan Tunai Tambahan?

J: Bantuan Tunai Tambahan adalah bantuan yang diberikan kepada permohonan berstatus Lulus permohonan BKM 2022 sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya anda ada membuat permohonan rayuan BKM 2022 yang dibuka mulai 02 Mei 2022 hingga 02 Jun 2022 dan rayuan BKM 2022 dipertimbangkan, anda layak menerima BKM 2022 berserta amaun Bantuan Tunai Tambahan tersebut.

10. S: Permohonan BKM 2022 saya Lulus dengan status Bujang dan semasa tempoh rayuan BKM 2022 dibuka, saya telah mengemaskini maklumat permohonan saya kepada berkahwin. Adakah saya layak menerima bayaran Bantuan Tunai Tambahan dengan nilai RM100?

J: Sekiranya permohonan rayuan BKM 2022 anda dipertimbangkan dengan kategori Isi Rumah, anda layak menerima BKM 2022 berserta baki amaun Bantuan Tunai Tambahan mengikut kategori bantuan seperti di **Soalan 2**.